



# kaunseling Remaja

Prof Madya Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

# Pilih IPTA atau IPTS?

*Pelajar dalam dilema fikir antara desakan ibu bapa dengan pilihan sendiri*

## Soalan

**S**AYA berusia 19 tahun dan baru tamat tahun asasi dalam bidang sains di universiti swasta. Saya mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana muda perakaunan, tetapi pada masa sama, saya juga mendapat tawaran daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dalam diploma perakaunan. Saya tidak tahu mahu pilih yang mana.

Hati saya lebih ke universiti swasta, tetapi keluarga lebih suka jika saya menyambung

pelajaran di IPTA kerana lebih dekat dengan mereka. Saya bingung memikirkannya. Bantulah saya Dr.

Gadis bingung  
Melaka

## Jawapan

**B**ELAJAR di IPTA atau universiti swasta mempunyai kekuatan masing-masing. Sering kali wujud konflik antara anak dengan keluarga tentang pilihan di mana untuk melanjutkan pelajaran dan juga jenis kerjaya. Perspektif berbeza adalah punca

utama kepada konflik ini. Apa yang boleh dilakukan ialah mencari titik pertemuan dari perbezaan perspektif ini.

Dalam konteks dilema adik, perbincangan terbuka antara adik dan keluarga dapat membuka ruang kepada setiap pihak untuk melihat dan memahami perspektif kedua-dua pihak. Seterusnya, mengambil keputusan terbaik demi manfaat semua.

Perbincangan boleh bermula dengan menjelaskan mengapa adik suka belajar di universiti swasta. Perbincangan perlu lebih fokus de-

ngan menerangkan kelebihan pilihan berbanding dengan apa yang adik tidak pilih.

Contohnya, mengapa adik lebih suka kepada universiti swasta. Adakah kerana ia menawarkan program sarjana muda berbanding diploma ditawarkan IPTA itu? Terangkan juga kebaikan lain yang adik peroleh jika ke universiti pilihan. Contohnya, dari segi kewangan, adakah adik akan mendapat pembiayaan?

Bagaimana pula dengan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang ditawarkan? Adakah program yang

adik akan ambil ini diiktiraf pihak yang berkaitan? Adalah lebih baik jika adik tunjukkan bukti seperti maklumat ber-cetak dalam bentuk brosur, untuk menguatkan hujah pilihan.

Lihat sebab utama mengapa keluarga lebih suka adik belajar di universiti tempatan. Jika faktor jarak yang menyebabkan mereka mahu adik belajar di IPTA, adik boleh rasionalkan bahawa tidak semestinya jika adik tidak belajar di IPT yang dekat dengan mereka, adik tidak boleh sentiasa berhubung

dengan mereka.

Dalam perbincangan, adik perlu juga mendengar sudut pandangan keluarga mengenai pilihan mereka. Mereka juga ada rasional tersendiri. Hujah yang baik boleh mempengaruhi pandangan orang lain untuk bersetuju kepada pilihan kita.

Mungkin itu yang boleh adik lakukan itu memberi keyakinan kepada keluarga untuk bersetuju dengan pilihan mengambil program sarjana muda perakaunan di universiti swasta.

Jika gagal mempengaruhi keluarga untuk bersetuju dengan pilihan, adik masih lagi berpeluang melanjutkan pelajaran mengikut pilihan mereka. Apa pun, Dr sentiasa mendoakan adik akan berjaya cemerlang dalam apa pun kursus yang adik ceburi. Selamat berjaya

# Baru seminggu duit gaji habis

## Soalan

**S**AYA adalah bekas pelajar IPTA berumur awal 20-an yang baru mendapat pekerjaan di syarikat swasta. Dr, saya kini bingung memikirkan masalah kewangan yang selalu tidak mencukupi.

Baru saja mencecah seminggu, duit gaji saya sudah habis. Dr, apakah cara yang harus saya lakukan untuk menstabilkan kewangan saya? Tambahan pula saya sudah memakai kereta. Saya berharap Dr dapat membantu saya dalam hal ini.

Risau  
Kuala Lumpur

## Jawapan

**S**EMEMANGNYA, setiap individu perlukan kedudukan kewangan yang selesa kerana kegagalan merancang pengurusan kewangan dengan baik boleh menyebabkannya mengalami tekanan emosi.

Bagi mengatasi masalah kewangan, adik perlu ada satu sistem perancangan serta pengurusan yang berkesan agar perbelanjaan kewangan dapat diuruskan dengan baik.

Natijahnya, sebanyak mana pendapatan bulanan seseorang pun, jika peran-

cangan dan pengurusan kewangan tidak dibuat secara sistematik, individu akan dapati kedudukan kewangannya sentiasa tidak mencukupi.

Akan berlaku banyak perkara-perkara seperti hutang lapuk dan pembaziran. Wang pula selalu tidak mencukupi.

Adik perlu rancang dengan teliti apa yang ingin dibeli dan berbelanja secara bersenderhana. Catat perbelanjaan harian di dalam buku supaya adik dapat mengetahui aliran wang masuk dan keluar. Pengurusan kewangan yang baik memerlukan disiplin yang tinggi.